	RHB Savings Account-i + Pendaftaran untuk Joy@Work <sup>1</sup>	Akaun dalam Talian & Deposit Permulaan sebanyak RM200	3,000	
	RHB Maxsave Account + Pendaftaran untuk Joy@Work <sup>1</sup>	Akaun dalam Talian & Deposit Permulaan sebanyak RM200	5,000	
	RHB Smart Account/-i + Pendaftaran untuk Joy@Work <sup>1</sup>	Akaun dalam Talian & Deposit Permulaan sebanyak RM1,000	3,000	
	RHB Savings Account-i <sup>1</sup>	Akaun dalam Talian & Deposit Permulaan sebanyak RM200	1,000	
	RHB Maxsave Account <sup>1</sup>	Akaun dalam Talian & Deposit Permulaan sebanyak RM200	1,000	
	e-Term Deposit menerusi FPX <sup>9</sup>	Peletakan minimum dihadkan pada RM5,000 bagi tempoh satu bulan	10 penyertaan	500
	e-Term Deposit menerusi FPX <sup>9</sup> dengan Joy@Work	Peletakan minimum dihadkan pada RM5,000 bagi tempoh satu bulan		800
	Mana-mana Akaun Semasa/Simpanan/-i <sup>8</sup> yang dibuka di kaunter cawangan RHB	Membuka akaun baharu <sup>8</sup> dengan baki purata sebanyak RM1,000	10 penyertaan	N/A
	RHB Remittance <sup>1</sup>	Penukaran minimum sebanyak RM10,000 bagi setiap urus niaga	10 penyertaan	N/A
	Peti Simpanan Selamat RHB dan RHB Term Deposit <sup>1</sup>	Daftar untuk Peti Simpanan Selamat RHB dan RHB Term Deposit dengan peletakan	10 penyertaan	N/A

		minimum sebanyak RM10,000		
	RHB Multi Currency Account/-i & Multi Currency Visa Debit Card/-i <sup>1</sup>	Buka RHB Multi Currency Account & Multi Currency Visa Debit Card	10 penyertaan	N/A
<b>RHB Life Protection Plan</b>	Buka mana-mana Produk Premium Biasa (PB – konvensional) atau Caruman Biasa (CT-Takaful) <sup>2</sup>	Buka satu pelan baru dari mana mana Produk Premium Biasa (PB – konvensional) atau Caruman Biasa (CT-Takaful) <sup>2</sup>	10 penyertaan	N/A
		Setiap RM1 bagi Pembayaran Tahunan Pertama bagi setiap pelan baru <sup>2</sup>	N/A	1
<b>Pelaburan</b>	Unit Amanah daripada Pelanggan Premier	Tidak termasuk peletakan KWSP	20 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.1 <sup>3</sup>
	Unit Amanah daripada Pelanggan bukan Premier	Tidak termasuk peletakan KWSP	10 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.05 <sup>3</sup>
	Bon Runcit/Sukuk daripada Pelanggan Premier		20 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.1 <sup>3</sup>
	Bon Runcit/Sukuk daripada Pelanggan bukan Premier		10 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.05 <sup>3</sup>
	Pelaburan Berstruktur (Autopanggil, RA, SILF) daripada Pelanggan Premier		20 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.1 <sup>3</sup>
	Pelaburan Berstruktur (Autopanggil, RA, SILF) daripada Pelanggan bukan Premier		10 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.05 <sup>3</sup>
	Amanah Saham Nasional Berhad Variable Price (ASBB) daripada Pelanggan Premier		20 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.1 <sup>3</sup>
	Amanah Saham Nasional Berhad Variable Price (ASBB) daripada Pelanggan bukan Premier		10 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.05 <sup>3</sup>
	Pelaburan Dwi Matawang (DCI) daripada Pelanggan Premier		20 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.01 <sup>3</sup>
	Pelaburan Dwi Matawang (DCI)		10 penyertaan	0.005 <sup>3</sup>

	daripada Pelanggan bukan Premier		bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	
	Bull Equity Linked Investment (Bull ELI) daripada Pelanggan Premier	Setiap urus niaga sebanyak RM10,000	20 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.01 <sup>3</sup>
	Bull Equity Linked Investment (Bull ELI) daripada Pelanggan bukan Premier	Setiap urus niaga sebanyak RM10,000	10 penyertaan bagi setiap urus niaga sebanyak RM10,000	0.005 <sup>3</sup>
<b>Kad Kredit</b>	Mohon Kad Kredit/-i RHB	Perbelanjaan minimum sebanyak RM50 pada urus niaga Pertama dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan kad	10 penyertaan	2,000 <sup>4</sup>
	Pengebilan auto bagi Kad Kredit /-i RHB yang baru diluluskan	Urus niaga minimum 1 pengebilan auto yang dilaksanakan dalam masa 60 hari	10 penyertaan	N/A
	Perbelanjaan sebanyak RM100 dengan peniaga lain menggunakan Kad Kredit /-i RHB		10 penyertaan	40x dihadkan kepada 5,000 Mata Kesetiaan <sup>5</sup>
	Perbelanjaan sebanyak RM100 dengan peniaga JomSapot menggunakan Kad Kredit/-i RHB		20 penyertaan	40X dihadkan kepada 5,000 Mata Kesetiaan <sup>5</sup>
	Perbelanjaan sebanyak RM500 dalam seminggu dengan peniaga JomSapot menggunakan Kad Kredit/-i RHB		10 penyertaan	50X dihadkan kepada 30,000 Mata Kesetiaan <sup>5</sup>
	Perbelanjaan sebanyak RM500 dalam seminggu dengan peniaga JomSapot menggunakan Kad Kredit/-i RHB		20 penyertaan	50X dihadkan kepada 30,000 Mata Kesetiaan <sup>5</sup>
	Apa-apa pelan CashXcess bagi 12 & 24 bulan	Ansuran minimum sebanyak RM3,000	10 penyertaan	1,000 <sup>6</sup>
	Apa-apa pelan CashXcess bagi 36 bulan	Ansuran minimum sebanyak RM3,000	10 penyertaan	1,000 <sup>6</sup>
	Apa-apa pelan CashXcess bagi 48 bulan	Ansuran minimum sebanyak RM3,000	10 penyertaan	5,000 <sup>6</sup>
	Pemindahan Baki	Minimum of RM1,000	10 penyertaan	N/A
	<b>Kad Debit</b>	Perbelanjaan menggunakan Kad Debit/-i RHB	Perbelanjaan minimum sebanyak RM50 dalam satu resit dengan peniaga lain	10 penyertaan
Perbelanjaan menggunakan Kad/-i Debit RHB		Perbelanjaan minimum sebanyak RM50 dalam satu	20 penyertaan	N/A



		resit dengan peniaga JomSapot		
<b>Perbankan Dalam Talian<sup>13</sup></b>	Daftar dan Log Masuk ke Perbankan dalam Talian RHB	Untuk log masuk kali pertama sahaja	10 penyertaan	N/A
	Muat turun dan log masuk dalam App Perbankan Mobile RHB	Untuk log masuk kali pertama sahaja	10 penyertaan	N/A
	Melaksanakan pemindahan DuitNow Digemari	Urus niaga minimum sebanyak RM30 bagi setiap urus niaga sama ada melalui DuitNow Bayar-ke-Akaun/Bayar-ke-ID Proksi	10 penyertaan	N/A
	Melaksanakan urus niaga DuitNow QR	Urus niaga minimum sebanyak RM30 bagi setiap urus niaga	10 penyertaan	N/A
	Melaksanakan urus niaga DuitNow QR	Urus niaga minimum sebanyak RM30.00 menerusi peniaga JomSapot	20 penyertaan	N/A
	Melaksanakan JOMPAY/Pembayaran Bil Digemari	Urus niaga minimum sebanyak RM30 bagi setiap urus niaga	10 penyertaan	N/A
	Melaksanakan Tambah Nilai (Mobile, Prabayar, Internet Prabayar, e-Dompet, Permainan Digemari, dan sebagainya)	Urus niaga minimum sebanyak 10 sebulan dengan RM30 bagi setiap urus niaga	10 penyertaan	N/A
	Melaksanakan Pemindahan DuitNow /JomPAY/Pembayaran Bil/ Tambah Nilai Digemari	Urus niaga minimum sebanyak 10 urus niaga sebulan dengan RM30 bagi setiap urus niaga	20 penyertaan	N/A
<b>Pembiayaan Peribadi</b>	Pembiayaan Peribadi/-i untuk Sektor Awam, Pembiayaan Peribadi/-i untuk Pesara dan Pembiayaan Peribadi/-i untuk Sektor Swasta dengan Pemotongan Gaji menerusi Sumber Manusia	Pembayaran pembiayaan minimum sebanyak RM50,000 dalam satu urus niaga	10 penyertaan	3,000
	Pembiayaan/-i Peribadi untuk Sektor Swasta	Pembayaran pembiayaan minimum sebanyak RM30,000 dalam satu urus niaga.	10 penyertaan	2,000
<b>Gadai Janji</b>	Gadai Janji	Gadai Janji baharu dengan saiz pinjaman/pembiayaan sebanyak RM100,000 pada pembayaran pertama	10 penyertaan	1,500
<b>Pembiayaan Auto</b>	Pembiayaan Auto	Pembiayaan Auto pada pembayaran pertama	10 penyertaan	N/A
	Takaful Sewa Beli Tempoh Berkurangan (HPRTT) di bawah Pakej Perlindungan Sewa Beli	Mendaftar bersama dengan Pembiayaan Auto	10 penyertaan	N/A
<b>Premier</b>	RHB Premier	Pelanggan RHB Premier baharu yang memenuhi kriteria kelayakan RHB Premier sebagaimana	20 penyertaan	50,000 <sup>7</sup>

		dinyatakan dalam Terma & Syarat RHB Premier dengan Dana Baharu minimum sebanyak RM200,000 yang dikekalkan dari tarikh penyertaan sehingga hujung setiap Bulan Kempen		
<b>Joy@Work</b>	Pelanggan Joy@Work baharu dan sedia ada	Pelanggan Joy@Work baharu dan sedia ada yang mengambil minimum dua (2) produk yang turut serta semasa Bulan Kempen dan dengan penandaan Joy@Work sebagaimana ditakrifkan dalam sistem RHB	20 penyertaan	N/A

<sup>1</sup>Terma & Syarat Perbankan Peribadi terpakai. Pelanggan yang Layak dikehendaki mengaktifkan Akaun dalam Talian RHB mereka dan mengambil Kad Debit/-i mereka dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh pembukaan Akaun dalam Talian RHB dengan melakukan pengesahan Pengenalan (“ID”) di cawangan. Pelanggan yang Layak dikehendaki melakukan pemindahan InterBank (Interbank GIRO/DuitNow/Interbank Pemindahan Dana/FPX), mendeposit wang atau cek ke dalam mesin deposit tunai RHB atau mesin deposit cek RHB atau peletakan deposit permulaan di kaunter sebagaimana diperincikan di dalam Jadual 2 dalam Akaun dalam Talian baharu mereka dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh Akaun dibuka. Jumlah deposit permulaan adalah berdasarkan jumlah deposit keseluruhan terkumpul pada hari pertama didepositkan. Pelanggan yang Layak merujuk pengaktifan akaun yang berjaya semasa tempoh kempen.

<sup>2</sup> TokioMarine E-ssential Tenang & TokioMarine E-ssential Plus tidak layak menyertai Kempen. Apa-apa polisi yang didapati telah diserahkan/ditarik balik/dibatalkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas ditandatangani, maka Mata Kesetiaan akan dibatalkan daripada Peserta yang Layak”

<sup>3</sup> Terma & Syarat Kempen RHB Wealth Loyalty Points 2022 terpakai. Peruntukan Mata Kesetiaan berdasarkan pelaburan bagi setiap RM1. Akaun pelaburan Peserta yang Layak bagi Produk Pelaburan Terpilih mesti sah dan aktif sebagaimana yang ditentukan oleh RHB menurut budi bicaranya, untuk layak menyertai Kempen semasa dan selepas Tempoh Kempen dan/atau untuk memenangi Ganjaran Kempen. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen atau semasa Pemenuhan syarat Kempen, Peserta yang Layak menutup Akaun Pelaburan bagi Produk Pelaburan terpilih atas apa-apa sebab sekalipun, penyertaannya dalam Kempen menjadi terbatal dan tidak sah dengan serta-merta. Sekiranya Peserta yang Layak melaksanakan haknya untuk bertenang atau debit bagi urusan niaga pelaburan gagal dilaksanakan, Ganjaran Kempen tidak akan diberikan.

<sup>4</sup> Terma & Syarat Kempen Perolehan Kad Kredit/-i (Jan-Jun 2022) terpakai. Kempen ini terbuka kepada semua kakitangan tetap dan/atau kontrak RHB sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Kempen Perolehan Kad Kredit/-i (Jan-Jun 2022). Tertakluk pada had Mata Kesetiaan sebanyak 30,000,000 dari Januari 2022 hingga Jun 2022. Pengebilan auto yang didaftarkan di bawah JomPay, FPX dan urusan niaga e-dompot dikecualikan.

<sup>5</sup> Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q1 terpakai. Kempen ini terbuka kepada semua kakitangan tetap dan/atau kontrak RHB sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q1. Tertakluk pada had Mata Kesetiaan sebanyak 97,600,000 berdasarkan tiba dahulu layan dahulu dari 1 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022 sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q1. Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q2 terpakai. Kempen ini terbuka kepada semua kakitangan tetap dan/atau kontrak RHB sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q2. Tertakluk pada had Mata Kesetiaan sebanyak 100,000,000 berdasarkan tiba dahulu layan dahulu dari 1 April 2022 hingga 30 Jun 2022 sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q2.

<sup>6</sup> Terma & Syarat Program CashXcess (CX) RHB menerusi Perbankan dalam Talian RHB terpakai. Kempen ini terbuka kepada semua kakitangan tetap dan/atau kontrak RHB sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Program CashXcess (CX) RHB menerusi Perbankan dalam Talian

RHB. Tertakluk pada had Mata Kesetiaan sebanyak 30,000,000 berdasarkan tiba dahulu layan dahulu dari 1 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022 sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Program CashXcess (CX) RHB menerusi Perbankan dalam Talian RHB.

<sup>7</sup> Tertakluk pada had seramai 150 orang Pelanggan yang Layak bagi setiap Bulan Kempen. Dana baharu ditakrifkan sebagai dana yang tidak dipindahkan daripada Akaun Semasa/Simpanan RHB Akaun/-i (“CASA-i”) atau Deposit Tetap/(FD)/ Deposit-i Murabahah Komoditi (CMD-i) sedia ada;

<sup>8</sup> Baki purata ditakrifkan sebagai jumlah keseluruhan baki akaun hujung hari bagi bulan berkenaan dibahagikan dengan bilangan hari kalendar bulan tersebut. Tidak termasuk produk CASA-i berasaskan Qard.

<sup>9</sup> Peletakan deposit boleh dibuat menerusi Perbankan dalam Talian RHB melalui Pertukaran Proses Kewangan (“FPX”). FPX tidak dimiliki oleh RHB. FPX dipermudah melalui Payment Network Malaysia Sdn Bhd (“PayNet”), sebuah anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia. Butiran selanjutnya boleh dilihat di [www.paynet.my](http://www.paynet.my).

<sup>13</sup> Saluran-saluran yang dibenarkan untuk Kempen ini seperti berikut:

- a. Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB (versi baharu yang dilancarkan pada 5 April 2019); dan
- b. Perbankan Atas Talian RHB Baharu (versi desktop baharu yang dilancarkan pada 3 Mei 2021)

**c) Ganjaran Kempen Kategori 3: Tawaran Kilat RHB**

Untuk layak mendapat Ganjaran Kempen Kategori 3, Peserta yang Layak mesti memenuhi Kriteria Kelayakan dan memenuhi keperluan Produk yang Turut Serta semasa Tempoh Kempen sebagaimana diberikan di dalam Jadual 3 semasa Tempoh kempen.

**Jadual 3: Kriteria Kelayakan bagi setiap Produk yang Turut Serta**

Tempoh Tawaran Kilat	Produk yang Turut Serta	Kriteria Kelayakan	Mata Kesetiaan Diperoleh
Hari RHB (setiap 26 <sup>hb</sup> setiap bulan)	Kad Kredit/-i <sup>10</sup>	Perbelanjaan minimum sebanyak RM100 dalam satu resit	80 x dihadkan kepada 5000 Mata Kesetiaan
		Perbelanjaan terkumpul sebanyak RM500 dalam satu hari	100 x dihadkan kepada 30,000 Mata Kesetiaan
	Kad Debit/-i <sup>11</sup>	Perbelanjaan minimum sebanyak RM100 dalam satu resit	10,000
	Deposit Bertempoh-e	Setiap peletakan baharu sebanyak RM5000 dalam tempoh satu bulan sebagaimana had FPX bagi setiap Pelanggan yang Layak <sup>12</sup>	500
	Deposit Bertempoh-e Joy@Work	Setiap peletakan baharu sebanyak RM5000 dalam tempoh satu bulan sebagaimana had FPX bagi setiap Pelanggan yang Layak dan Joy@Work <sup>12</sup>	800
	RHB Remittance	Penukaran atas talian sebanyak minimum RM10,000 had satu urusan niaga bagi setiap Pelanggan yang Layak <sup>13</sup>	3,000

	RHB Remittance Joy@Work	Penukaran atas talian sebanyak minimum RM10,000 had satu urusan niaga bagi setiap Pelanggan yang Layak <sup>13</sup>	3,800
	Penukaran MCA/-i	Penukaran atas talian sebanyak minimum RM10,000 had satu urusan niaga bagi setiap Pelanggan yang Layak <sup>13</sup>	3,000
	Penukaran MCA/-i Joy@Work	Penukaran atas talian sebanyak minimum RM10,000 had satu urusan niaga bagi setiap Pelanggan yang Layak <sup>13</sup>	3,800
31 Januari, 1 Februari, 2 Februari,	Kad Kredit/-i <sup>10</sup>	Perbelanjaan minimum sebanyak RM100 dalam satu resit	80 x dihadkan kepada 5000 Mata Kesetiaan

14 Februari 3 Mei, 4 Mei		Perbelanjaan terkumpul sebanyak RM500 dalam satu hari	100 x dihadkan kepada 30,000 Mata Kesetiaan
April 2022, Mei 2022	Pembiayaan Peribadi/-i untuk Sektor Awam, Pembiayaan Peribadi/-i untuk Pesara dan Pembiayaan Peribadi/-i untuk Sektor Swasta dengan Pemotongan Gaji menerusi Sumber Manusia	Pembayaran pembiayaan minimum sebanyak RM50,000 dalam satu urus niaga	5000
	Pembiayaan Peribadi/-i untuk Sektor Swasta	Pembayaran pembiayaan minimum sebanyak RM30,000 dalam satu urus niaga	3000

<sup>10</sup>Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q1 terpakai. Tertakluk pada had sebanyak 56,000,000 Mata Kesetiaan berdasarkan tiba dahulu layan dahulu dari 1 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022 sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q1. Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q2 terpakai. Tertakluk pada had sebanyak 40,000,000 Mata Kesetiaan berdasarkan tiba dahulu layan dahulu dari 1 April 2022 hingga 30 Jun 2022 sebagaimana diperincikan dalam Terma & Syarat Kempen Penggunaan Massa 2022 Q2.

<sup>11</sup>Tertakluk pada had sebanyak 18,000,000 Mata Kesetiaan berdasarkan tiba dahulu layan dahulu dalam Tempoh Kempen dengan maxima 300 Peserta Yang Layak dalam setiap Bulan Tempoh.

<sup>12</sup>Jumlah deposit maksimum bagi setiap urus niaga pemindahan FPX ialah Dua Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM200,000) atau tertakluk pada jumlah maksimum yang ditentukan / had pemindahan dalam perbankan internet individu Pelanggan yang Layak yang disenggarakan dengan bank yang relevan, mana-mana yang lebih rendah.

<sup>13</sup>Tempoh Promosi dari 26 April 2022 hingga 26 June 2022.

- 5 Peserta yang Layak yang menyertai Ganjaran Kempen Kategori 1 dibenarkan menyertai Ganjaran Kempen Kategori 2 dan Ganjaran Kempen Kategori 3 dengan memenuhi Kriteria Kelayakan sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 4.
- 6 Jika jumlah kelayakan dalam Produk Turut Serta adalah dalam mata wang asing, hendaklah ditukarkan kepada setaraan dalam Ringgit Malaysia pada kadar proksi RHB bagi mata wang asing.
- 7 Penebusan Mata Ganjaran RHB adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Program Ganjaran RHB. Peserta yang Layak boleh merujuk [www.rhbwards.com.my](http://www.rhbwards.com.my).

#### **PEMILIHAN PEMENANG & PEMENUHAN SYARAT GANJARAN KEMPEN**

- 8 Semua Pemenang mesti mempunyai nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel yang sah yang berdaftar dengan RHB dan mestilah penduduk tetap di Malaysia sahaja.
- 9 Proses pemilihan Pemenang & syarat kelayakan Ganjaran Kempen bagi Kategori 1 adalah seperti yang berikut:-
  - a) Pemilihan Pemenang akan dilakukan dua (2) bulan selepas Bulan Kempen dan tertakluk pada pemenuhan syarat Kriteria Kelayakan dalam Ganjaran Kempen Kategori 1 sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 4.

- b) Apabila memenuhi Kriteria Kelayakan dalam Ganjaran Kempen Kategori 1 sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 4, Pelanggan yang Layak akan disenaraipendekkan secara dalaman menerusi cabutan “Pemilihan Rawak” janaan komputer yang memberikan nombor rawak untuk senarai Pemenang yang Layak;
  - c) Pemenang yang disenaraipendekkan akan dihubungi oleh RHB atau wakil yang dilantik untuk melakukan pengesahan pada bila-bila masa semasa waktu pejabat (8.45 pagi hingga 5.45 petang) pada mana-mana hari bekerja dari hari Isnin hingga Jumaat;
  - d) Pemenang yang disenaraipendekkan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul bagi melayakkannya sebagai Pemenang, tiada wakil bagi Pemenang yang disenaraipendekkan dibenarkan semasa menjawab soalan;
  - e) Jika Pemenang yang disenaraipendekkan gagal menjawab telefon atau menjawab soalan dengan betul atas apa-apa sebab sekalipun, atau jika pengesahan gagal, Pemenang yang disenaraipendekkan dianggap terlepas peluang untuk menang dan RHB atau wakilnya yang dilantik berhak memilih Pemenang yang disenaraipendekkan yang berikutnya apabila perlu;
  - f) RHB atau wakilnya yang dilantik hendaklah membuat tiga (3) usaha untuk menghubungi Pemenang yang disenaraipendekkan. Jika usaha pertama gagal atas apa-apa sebab sekalipun, seperti panggilan tidak berjawab, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tidak dapat dihubungi atau apa-apa sebab seumpamanya, maka RHB atau wakilnya yang dilantik hendaklah membuat dua (2) lagi usaha pada masa seterusnya yang disediakan menurut budi bicara RHB. Jika usaha terakhir juga gagal, maka Pemenang yang disenaraipendekkan hendaklah dibatalkan. Pemenang yang disenaraipendekkan yang seterusnya dalam senarai Pemenang yang layak akan dihubungi;
  - g) Pemenang hendaklah memastikan telah memenuhi semua syarat kelayakan Ganjaran Kempen sebagaimana ditetapkan dalam Klausula 14 sebelum pemenuhan kelayakan dibuat oleh RHB; dan
  - h) Ganjaran Kempen akan didepositkan ke dalam akaun Program Ganjaran Pemenang RHB dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja dari hari Pemenang dihubungi dan menjawab soalan dengan betul.
  - i) Pemenang akan diberitahu tentang Ganjaran Kempen menerusi pemberitahuan sekali menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS). Jika Pemenang tidak memberikan butir nombor telefon boleh alih/yang boleh dihubungi kepada RHB, mereka tidak akan menerima apa-apa pemberitahuan menerusi SMS.
- 10 Proses pemilihan Pemenang & syarat pemenuhan Ganjaran Kempen bagi Kategori 2 adalah seperti yang berikut:-
- a. Pemilihan Pemenang akan dilakukan dua (2) bulan selepas berakhirnya setiap Bulan Kempen dan tertakluk pada pemenuhan syarat Kriteria Kelayakan dalam Kategori 2 sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 4.
  - b. Pemenang hendaklah memastikan telah memenuhi semua syarat kelayakan Ganjaran Kempen sebagaimana ditetapkan dalam Klausula 14 sebelum pemenuhan syarat dibuat oleh RHB; dan
- 11 Proses pemilihan Pemenang & syarat pemenuhan Ganjaran Kempen bagi Kategori 3 adalah seperti yang berikut:-
- a. Pemilihan Pemenang akan dilakukan dalam masa dua (2) bulan selepas berakhirnya setiap Tempoh Kempen sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 1 dan tertakluk pada pemenuhan syarat Kriteria Kelayakan sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 4.
  - b. Pemenang hendaklah memastikan telah memenuhi semua syarat kelayakan Ganjaran Kempen sebagaimana ditetapkan dalam Klausula 14 sebelum pemenuhan kelayakan dibuat oleh RHB; dan

- 12 Ganjaran Kempen akan diberikan kepada Peserta yang Layak yang merupakan pemegang utama akaun bagi Produk yang Turut Serta. Sekiranya terdapat pemegang akaun bersama, hanya pemegang akaun utama berhak mendapat Ganjaran Kempen dan dianggap sebagai Pemenang. Untuk Gadai Janji, sekiranya Peserta yang Layak ialah pemegang utama akaun yang bukan pemegang utama akaun RHB CASA/i, Peserta yang Layak tersebut tidak berhak menerima Ganjaran Kempen.
- 13 Ganjaran Kempen akan didepositkan ke dalam akaun Program Ganjaran Pemenang RHB dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja dari hari Pemenang dihubungi dan menjawab soalan dengan betul.
- 14 Penebusan Mata Ganjaran RHB tertakluk pada Terma dan Syarat Program Ganjaran RHB. Bagi perinciannya, Peserta yang Layak boleh merujuk [www.rhbrewards.com.my](http://www.rhbrewards.com.my).
- 15 Akaun Pemenang Produk yang Turut Serta mestilah sah dan aktif sebagaimana ditentukan oleh RHB menurut budi bicaranya, untuk layak mendapat Ganjaran Kempen. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen atau Tempoh Pemenuhan Kelayakan, Akaun bagi Produk yang Turut Serta ditutup atau dorman atas apa-apa sebab sekalipun, Ganjaran Pemenang akan terbatal dan tidak sah dengan serta-merta.
- 16 RHB berhak menggantikan Ganjaran Kempen dengan ganjaran lain yang sama nilai pada bila-bila masa dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu di laman sesawang RHB dan/atau cara komunikasi lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh RHB.

#### **TERMA DAN SYARAT UMUM**

- 17 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak:
  - a. bersetuju terikat dengan Terma dan Syarat Kempen;
  - b. Bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang RHB untuk membaca Terma dan Syarat dan mengaku janji untuk menerima maklumat terkini sekiranya terdapat apa-apa perubahan atau perubahan ke atas Terma dan Syarat;
  - c. Bersetuju bahawa Ganjaran Kempen yang diketengahkan di dalam semua bahan bercetak dan/atau laman sesawang RHB adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang digunakan dengan Hadiah Kempen di dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukan merupakan sebahagian daripada Hadiah Kempen;
  - d. Bersetuju bahawa RHB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kehilangan, koyakan, dan kerosakan, tamat tempoh atau kecurian Hadiah Kempen apabila diserahkan. Dalam keadaan ini, apa-apa permintaan untuk menggantikan kehilangan, kecacatan, koyakan, kerosakan, tamat tempoh atau kecurian Hadiah Kempen tidak akan dilayan oleh RHB. Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Butir Perhubungan RHB yang diberikan dalam Klausula 17(m);
  - e. Bersetuju bahawa Hadiah Kempen tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar ganti dengan wang tunai, kredit, cek atau yang seumpamanya; sebahagiannya atau sepenuhnya;
  - f. Bersetuju bahawa keputusan RHB atas semua perkara berkaitan dengan Kempen dan Hadiah Kempen adalah muktamad, mutakhir dan mengikat terhadap mereka. Keputusan tersebut dibuat berdasarkan pelaksanaan Kempen. Jika terdapat apa-apa pertikaian selanjutnya, sila rujuk Pusat Perhubungan RHB yang diberikan dalam klausula 17(m) di bawah atau Pegawai Perkhidmatan Kewangan (PPK) di talian 03-2272 2811.
  - g. Bersetuju untuk bertanggungjawab sendiri ke atas semua cukai, fi kerajaan, atau apa-apa caj lain yang boleh dilevikan terhadap mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penerimaan Hadiah Kempen;



- h. Bersetuju untuk tidak meneruskan apa-apa penyertaan selanjutnya dalam Kempen ini dengan memberitahu RHB sekiranya apa-apa ubahsuaian selanjutnya ke atas Terma dan Syarat ini tidak boleh diterima;
- i. Bersetuju bahawa dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta yang Layak memberikan keizinan kepada RHB untuk memproses maklumat peribadi mereka bagi apa-apa dan/atau untuk semua tujuan yang berikut ("**Tujuan**"), jika berkaitan:
  - i. Menguruskan pertandingan ini dan menghubungi Peserta yang Layak berkaitan dengan perkara yang sama;
  - ii. Jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan RHB Banking Group dan rakan strategiknya; atau
  - iii. Tujuan perniagaan lain yang berkaitan dan sah;
- j. Bersetuju bahawa maklumat peribadi Peserta yang Layak boleh didedahkan kepada syarikat lain dalam RHB Banking Group (yang akan termasuk syarikat pemegang, anak syarikat, dan mana-mana syarikat berkaitan, termasuk mana-mana syarikat yang terhasil daripada apa-apa penstrukturan semula, penggabungan, jualan atau perolehan), penyedia perkhidmatan, dan vendor dan, mana-mana ejen mereka masing-masing, pembantu dan/atau orang sedemikian, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkaitan, dengan sentiasa tertakluk pada apa-apa undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada RHB.
- k. Bersetuju bahawa adalah perlu bagi RHB untuk memproses maklumat peribadi Peserta yang Layak untuk Tujuan tersebut, yang tanpanya Peserta yang Layak tidak akan dapat menyertai Kempen ini. Peserta yang Layak boleh melaksanakan pilihan mereka berkaitan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk jualan silang, pemasaran dan promosi sebagaimana yang diuraikan di atas) dengan menghubungi kami menerusi Butir Perhubungan RHB yang boleh didapati dalam klausa 17(m) di bawah.
- l. Bersetuju bahawa gambar foto/imej Peserta yang Layak sebagai pemenang boleh diambil dan boleh digunakan untuk bahan penerbitan RHB, sekiranya sesuai.
- m. Peserta yang Layak boleh memohon untuk dibetulkan (jika maklumat peribadi mereka adalah tidak tepat, tidak terkini, tidak lengkap dan sebagainya), mengakses (tiada fi dan caj akan dikenakan bagi kaedah akses melainkan bagi fi dan caj yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat RHB Premier Current Akaun/-i Semasa Premier dan/atau Akaun Pelaburan bagi Produk Pelaburan terpilih), atau membuang (jika Peserta yang Layak tidak lagi mempunyai apa-apa produk/perkhidmatan dengan RHB Banking Group) maklumat peribadi Peserta atau mengehadkan pemrosesannya pada bila-bila masa kemudian dari ini, dengan menghantar permohonan sedemikian menerusi Maklumat Perhubungan RHB yang berikut:

**Butir Perhubungan RHB**

**E-mel:** [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)

**Nombor Telefon:** 03-92068118

**Nombor Faksimile:** 03-92068088

**Peti Masuk RHB Now:** <https://logon.rhb.com.my/>

**18 RHB berhak untuk:**

- a. Membatalkan mana-mana dan semua penyertaan daripada mana-mana Peserta yang Layak dalam Kempen ini dan menghalang orang tersebut daripada terus menyertai Kempen sekiranya disyaki bahawa Peserta yang Layak tersebut membega atau mendapat keuntungan daripada pembegaan peraturan Kempen ini atau Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam dokumen ini;
- b. Membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu. Apa-apa pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen oleh RHB tidak akan memberikan hak kepada Peserta yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau menuntut pampasan terhadap RHB atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh

Peserta yang Layak disebabkan kesan langsung dan tidak langsung pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

- c. Mengubah Hadiah Kempen menurut budi bicaranya kepada Hadiah Kempen yang lain dengan nilai yang sama sebagaimana Terma dan Syarat Kempen ini;
  - d. Menambah, membuang, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya menurut budi bicara mutlaknya dengan memuat naik Terma dan Syarat tersebut di laman sesawang RHB dan/atau cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh RHB dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu;
- 19 RHB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kemungkiran berkaitan dengan Kempen ini yang disebabkan apa-apa kejadian Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, tunjuk perasaan, kekacauan awam, dan tindakan keganasan yang tidak menyumbang kepada tindakan, peninggalan, kemungkiran, kecuaihan dan/atau salah laku di pihak RHB dan/atau mana-mana kakitangan, wakil dan ejennya.
- 20 Sekiranya terdapat perselisihan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah, bahan promosi atau pemasaran yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini hendaklah mendahului.

-Tamat-